

UHS - FALSAFAH DAN ISU SEMASA

Nama : NURIN FARZANAH BINTI MOHD HILMI
No MATRIK : A20EC0122

GROUP DISCUSSION 1

•Apakah FPN/FPK masih relevan pada abad ke-21?

Ya FPN/FPK masih relevan pada abad ke-21 kerana:

- Usaha berterusan dalam penyediaan kurikulum juga adalah diselarikan dengan mengubah suai kandungan mengikut keperluan semasa.
- Penyediaan sistem penyampaian yang berkesan dengan memperkenalkan sistem teknologi yang canggih seperti dalam ICT dan STEM.
- Penekanan kepada pendidikan agama dan moral dengan proses penerangan nilai-nilai agama dan moral kepada setiap tingkatan pelajaran.
- Penekanan kepada sains dan teknologi (S&T) dengan melahirkan lebih ramai tenaga kerja dalam bidang ini seperti bidang kejuruteraan dan perubatan.
- Peningkatan peluang pendidikan melalui pelbagai bidang dan variasi pendekatan alternatif. Misalnya pendidikan atas talian dan kursus profesional.
- Pemupukan semangat patriotisme melalui penyerapan unsurnya dalam semua mata pelajaran di samping melalui aktiviti kokurikulum untuk kesejahteraan bersama.

•Adakah FPN/FPK setara dengan halatuju agenda antarabangsa dan global?

Ya, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) setara dengan hala tuju agenda antarabangsa dan global.

Hal ini kerana, antara agenda antarabangsa adalah untuk melahirkan individu-individu yang bertanggungjawab dan cekap dalam membangunkan negara masing-masing. Jika dilihat FPK turut memfokuskan pembangunan modal insan ke arah tersebut iaitu dari segi intelektual, akhlak, rohani serta progresif.

- Dari segi intelektual, kerajaan mewujudkan pelbagai sektor pendidikan bagi memudahkan masyarakat menimba ilmu. Masyarakat yang berintelektual akan mampu untuk berfikir secara kritis dan inovatif dalam menyelesaikan sesuatu perkara. Hal ini sekaligus dapat mewujudkan masyarakat yang dapat menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara.
- Dari segi perkembangan potensi individu, setiap individu pasti mempunyai bakat yang tersendiri. Melalui pendidikan yang diberikan, individu tersebut akan dapat mengenali bakat tersendiri dan berusaha untuk memanfaatkannya kepada masyarakat. Impaknya, terlahirlah golongan masyarakat yang profesional dan mampu berdaya saing di peringkat global dan antarabangsa dalam sesuatu bidang.

- Dari segi akhlak, FPK juga memfokuskan dalam melahirkan insan yang berakhlak mulia. Hal ini kerana, apalah gunanya ilmu penuh di dada namun akhlak tidak dipelihara. Oleh itu, apabila ditanamnya sifat dan akhlak yang baik di dalam diri setiap individu maka masyarakat mampu untuk hidup dalam suasana negara yang damai.

•Bagaimanakah FPN/FPK dan Malaysia menyumbang kepada pendidikan dunia?

Pendidikan dunia telah banyak menerima sumbangan daripada FPN/FPK Malaysia, antaranya:

- Membantu para pendidik memahami sistem pendidikan negara.
- Menghilangkan salah faham, keraguan atau pertelingkahan dalam sebarang usaha melaksanakan tugas ataupun aktiviti pendidikan.
- Melahirkan rakyat yang progresif, mahir serta cekap supaya membolehkannya melaksanakan tugas secara produktif serta sempurna, demi memberikan sumbangan terhadap kemajuan dan pembangunan.
- Mengurangkan jurang perbezaan di antara kaum dengan membekalkan kemudahan-kemudahan asas pendidikan kepada golongan yang kurang berada seperti Bantuan Baju Sekolah dan Duit.

•Sejauhmanakah FPN/FPK relevan dengan IR4.0?

FPN/FPK relevan dengan Revolusi Industri (IR) 4.0 kerana:

- Usaha berterusan untuk memperkembangkan potensi ilmu mampu merujuk kepada penemuan teknologi baru seperti Internet of Things (IoT) dan penggunaan robotik.
- FPN/FPK bersifat kekitaan demi kesejahteraan keluarga, masyarakat dan negara agar memudahkan urusan seharian dengan sistem teknologi berkeupayaan baru.
- Kemudahan teknologi dihemati dalam subjek demi kesejahteraan diri untuk mengelakkan anasir buruk yang boleh membawa kepada kesalahan moral dan kes jenayah.